

SULIT  
02/1  
Bahasa Melayu  
Kertas 1  
Ogos  
2010  
1 jam



**ANJURAN  
PERSATUAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN PERLIS**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH ( PMR )  
TAHUN 2010**

---

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

Satu jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

**[Lihat sebelah  
SULIT**

SULIT

SULIT

## Soalan 1 – 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1 “Izinkan \_\_\_\_\_ mengubati penyakit tuan puteri, tuanku,” sembah Awang Belanga kepada sultan.

- A patik
- B hamba
- C saya
- D beta

2



Penduduk Kampung Pinang Sebatang bekerjasama membaiki rumah Tok Ali yang \_\_\_\_\_ itu.

- A daif
- B uzur
- C kusam
- D tenat

3 Jabatan Pelajaran Negeri telah menghantar surat penghargaan \_\_\_\_\_ sekolah-sekolah yang telah mendapat keputusan PMR yang cemerlang baru-baru ini.

- A terhadap
- B untuk
- C pada
- D kepada

4 Seluruh dunia \_\_\_\_\_ oleh kerajinan serta ketekunan penduduk negara Jepun membangunkan negara mereka.

- A terpegun
- B terpukau
- C tergamam
- D tercengang

SULIT

SULIT

- 5 Hasil daripada \_\_\_\_\_ yang diterima daripada orang ramai menunjukkan bahawa kenaikan harga barang amat membebankan pengguna.
- A soal siasat  
 B kaji selidik  
 C temu ramah  
 D maklum balas
- 6 Filem arahan sutradara terkenal itu \_\_\_\_\_ persoalan tentang kepentingan memelihara khazanah alam.
- A menjelaskan  
 B merakamkan  
 C melakarkan  
 D menyampaikan
- 7 Sebagai pendidik, kita seharusnya memberikan sokongan untuk memelihara \_\_\_\_\_ bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di negara kita.
- A kesahan  
 B keutuhan  
 C kekuatan  
 D kekentalan

## Soalan 8 – 14

*Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan D.*

*Pilih jawapan yang paling sesuai.*

- 8 Dia ingin berhijrah ke bandar untuk mencari rezeki, malahan dilarang oleh Mak
- A** **B**
- Piah yang bimbang akan keselamatannya. Tiada kesalahan.
- C** **D**
- 9 Rumah yang didiami Ismail sekeluarga kini ialah rumah yang diwariskan daripada arwah bapanya. Tiada kesalahan.
- A** **B** **C**
- D**

SULIT

SULIT

- 10 Wajahnya kelihatan cerah apabila diberitahu yang dia telah memperoleh keputusan cemerlang dalam PMR. Tiada kesalahan.  
 A B C D
- 11 Gempa bumi yang kuat pada pagi nanti telah menyebabkan bangunan-bangunan tinggi di kawasan itu bergegar. Tiada kesalahan.  
 A B C D
- 12 Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa pemenang tempat pertama akan menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM50,000.00. Tiada kesalahan.  
 A B C D
- 13 Kertas kerja tentang perbelanjaan program Bulan Bahasa yang telah kami persiapkan itu akan dibentangkan dalam mesyuarat akan datang. Tiada kesalahan.  
 A B C D
- 14 Sesetengah pelajar sering menghabiskan masa di pusat hiburan pada masa terluang hingga melalaikan pelajaran. Tiada kesalahan.  
 A B C D

**Soalan 15 – 17**

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- 15 I Dari jauh *berbau* olehku rendang yang dimasak oleh emak.  
 II Cadar dan sarung bantal hendaklah dijaga supaya tidak *berbau*.  
 III Akhirnya *berbau* juga semua kesalahan yang dilakukannya.  
 IV Semua peminat dilarang mengutarakan hujah yang *berbau* perkauman.
- A I dan II sahaja  
 B II dan III sahaja  
 C I, III dan IV sahaja  
 D II, III dan IV sahaja

SULIT

SULIT

- 16 I Mereka telah diberi penerangan tentang cara *menangkap* serangan musuh.  
 II Aktiviti *menangkap* harimau liar itu diteruskan kerana telah banyak mangsa dibahamnya.  
 III Rosli masih tidak dapat *menangkap* maksud kata-kata sindiran Zain itu.  
 IV Ayam Pak Kadok sangat *menangkap* kerana tiada orang berani melawan ayamnya itu.
- A I dan III sahaja  
 B II dan III sahaja  
 C I, II dan III sahaja  
 D II, III dan IV sahaja
- 17 I *Kemanisan* buah nangka madu itu tiada tolok bandingnya.  
 II Rohaya yakin bahawa *kemanisannya* akan kembali jika dia pulih kembali daripada penyakitnya.  
 III Mak Zah teringat kembali tentang *kemanisan* hidup pada zaman remajanya.  
 IV Dia masih ingat akan raut anak muda yang berwajah *kemanisan* itu.
- A I dan II sahaja  
 B III dan IV sahaja  
 C I, II dan III sahaja  
 D II, III dan IV sahaja

## Soalan 18 – 21

*Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.*

*Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.*

- 18 Pelajar itu mengetuk-ngetuk mejanya berkali-kali sebagai isyarat kepada pengawas peperiksaan bahawa dia memerlukan kertas tambahan.
- A mengetuk mejanya berkali-kali  
 B mengetuk berkali-kali mejanya  
 C mengetuk-ngetuk berkali-kali mejanya  
 D mengetuk-ngetuk mejanya berkali-kali

SULIT

SULIT

- 19 Bungkusan yang telah pengetua hadiahi adalah untuk pelajar-pelajar cemerlang di sekolah saya.
- A pengetua telah hadiahi
  - B pengetua telah hadiahkan
  - C telah dihadaiahkan oleh pengetua
  - D telah pengetua hadiahi
- 20 Suasana di dalam rumah Puan Zurina agak riuh-rendah apabila anak cucunya pulang bercuti.
- A riuh bila
  - B riuh apabila
  - C riuh-rendah bila
  - D riuh-rendah apabila
- 21 Program pembangunan yang hendak dilaksanakan di negara ini sewajarnya berteras konsep Satu Malaysia.
- A berteraskan kepada konsep
  - B berteraskan pada konsep
  - C berteraskan konsep
  - D berteras konsep

**Soalan 22 – 24**

*Pilih ayat-ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.*

- 22 **Mulan memberitahu Lilian dan adiknya bahawa mereka akan bertolak ke Kuala Terengganu pada hujung minggu itu untuk berjumpa kawan-kawan lama.**
- A “Kita bertolak ke Kuala Terengganu untuk berjumpa kawan-kawan lama pada hujung minggu ini,” beritahu Mulan kepada Lilian dan adiknya.
  - B Mulan berkata, “Kami akan bertolak ke Kuala Terengganu untuk berjumpa kawan-kawan lama pada hujung minggu hadapan.
  - C “Marilah kita bertolak ke Kuala Terengganu untuk berjumpa mereka pada hujung minggu ini,”pelawa Mulan kepada Lilian dan adiknya.
  - D Mulan mengajak Lilian, adiknya dan kawan-kawan lamanya, “Marilah kita bertolak ke Kuala Terengganu pada minggu hadapan.”

SULIT

SULIT

- 23** Kementerian Kesihatan mengingatkan orang ramai agar berwaspada terhadap wabak Influenza A yang menular di negara kita bagi kali yang kedua.
- A Orang ramai dinasihati oleh Kementerian Kesihatan bagi kali yang kedua agar berwaspada terhadap penularan wabak Influenza A di negara kita.
  - B Orang ramai diminta bagi kali yang kedua oleh Kementerian Kesihatan agar berwaspada terhadap penularan wabak Influenza A di negara kita.
  - C Wabak Influenza A yang menular bagi kali yang kedua di negara kita menyebabkan orang ramai berhati-hati seperti yang diingatkan oleh Kementerian Kesihatan.
  - D Penularan wabak Influenza A bagi kali yang kedua di negara kita menyebabkan Kementerian Kesihatan menasihati orang ramai supaya berhati-hati
- 24** Bagi menggalakkan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum, pihak sekolah harus mempergiat dan memperbanyak aktiviti kokurikulum di sekolah.
- A Pihak sekolah harus mempergiat dan memperbanyak aktiviti kokurikulum di sekolah agar penglibatan pelajar dalam kegiatan ini bertambah.
  - B Kegiatan kokurikulum di sekolah menggalakkan penglibatan pelajar kerana pihak sekolah mempergiat dan memperbanyak aktiviti kokurikulum.
  - C Pihak sekolah harus menggalakkan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum bagi mempergiat dan memperbanyak aktiviti kokurikulum di sekolah.
  - D Penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum menggalakkan kerana pihak sekolah mempergiat dan memperbanyak aktiviti kokurikulum di sekolah.

**Soalan 25 - 27***Pilih ayat-ayat yang betul.*

- 25**
- I Murid-murid nakal itulah yang mengotori bilik darjah itu.
  - II Bantuan pakaian dan makanan diberikan kepada mangsa-mangsa kebakaran itu.
  - III Gambar pemandangan yang terpampang di ruang tamu rumahnya dibeli dari Balai Seni Lukis Negara.
  - IV Zaleha memasak gulai rebung untuk tetamu yang datang bertandang ke rumahnya.
- A I dan II sahaja
  - B III dan IV sahaja
  - C I, II dan III sahaja
  - D II, III dan IV sahaja

SULIT

SULIT

- 26
- I “Tolong, ada peragut meragut beg tangan saya!” jerit Salmi.
  - II Kemakmuran sesebuah negara amat bergantung pada kemantapan dan keutuhan hubungan dalam setiap lapisan masyarakat.
  - III Nama guru mata pelajaran Bahasa Melayu kamu siapa?
  - IV Koleksi setem-setem lama kepunyaan Marzura amat bernilai sekali.
- A I dan III sahaja
  - B II dan IV sahaja
  - C I, II dan III sahaja
  - D II, III dan IV sahaja
- 27
- I Saban petang, Rizal menghalau semua kambing peliharaannya masuk ke dalam kandang.
  - II Puan Ana memasukkan sedikit perasa serbuk ke dalam masakan bagi menambah rasa.
  - III Kementerian Pelajaran akan melatih semula guru-guru bahasa Inggeris dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran mengajar bahasa tersebut.
  - IV Adik berlari-lari mengejar rama-rama yang berterbangan itu.
- A I dan IV sahaja
  - B II dan III sahaja
  - C I, II dan III sahaja
  - D II, III dan IV sahaja

## Soalan 28 – 30

*Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan berikut.*

- 28 Zaidin melonjak kegembiraan apabila ibunya menghadihkan sebuah kereta mainan yang sudah lama diidam-idamkannya.

Situasi di atas sesuai dengan peribahasa

- A orang mengantuk disorongkan bantal.
- B kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan.
- C bagai pungguk rindukan bulan.
- D seperti kera mendapat bunga.



SULIT

SULIT

- 29 Peribahasa yang berikut bermaksud apabila masalah dapat diselesaikan, orang yang bergaduh akan berbaik-baik semula, **kecuali**
- A biduk lalu kiambang bertaut.
  - B air dicincang tidak akan putus.
  - C cubit paha kanan, paha kiri terasa juga.
  - D carik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum juga.

30

**Menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri**

Peribahasa di atas bermaksud

- A mengata orang lain tetapi diri sendiri juga tidak betul.
- B melakukan sesuatu perkara itu hendaklah berhati-hati.
- C seseorang akan menerima akibat daripada apa-apa yang dilakukan.
- D diri sendiri mendapat malu akibat menceritakan keburukan keluarga.

### Soalan 31 – 35

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

“Haidi, dah kenapa dengan awak ni? Menjerit tak tentu pasal? Awak sakit? Awak demam? Awak tak turut serta acara lompat tinggi?” Bertubi-tubi Cikgu Amir menyoalku. Tidak dapat kuputuskan, soalan yang manakah harus kujawab dulu.

“Maafkan saya cikgu. Saya tak dapat mengawal perasaan saya. Sebenarnya.... pelari itu, wajahnya sama macam adik saya, Tina.”

“Tina sakit jantung. Jantung berlubang. Tanda-tanda awal, macam pelari tu. Tapi sekarang, Tina dah tak ada lagi. Tak ada lagi... saya tak mahu dia mati macam adik saya cikgu. Tak mahu.....”

Saat aku menghabiskan ungkapan tersebut, tersambar oleh cuping telingaku suara ambulans berlalu. Aku sempat melihat kenderaan tersebut bergerak semakin jauh meninggalkan kawasan sekolah.

Tiba-tiba aku ternampak Tina dibawa keluar daripada mulut belakang ambulans. Disambut dengan tangisan ayah, ibu dan orang-orang Kampung Perenggan.

Aku tak mahu, dia yang kukenal akan melalui peristiwa yang sama. Oh, Tuhanku. Jangan!..

Aku cuba berdiri betul. Hajat hati mahu pulang saja meninggalkan keriuhan orang. Meninggalkan acara kegemaranku yang peratusan tingginya aku boleh memperoleh pingat emas. Entah kenapa dan entah bagaimana, tanpa ksedari tiba-tiba aku tidak berdaya untuk berdiri. Aku rebah. Akhirnya aku terpaksa dipapah.

Keadaan ini pernah dialami sewaktu menerima khabar duka tentang Tina. Moga-moga bukan dia. Bukan dia, ya Allah.

(Dipetik daripada cerpen *Tina*,  
antologi Antologi Seuntai Kata Untuk Dirasa,  
Tingkatan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 31 Berdasarkan petikan, mengapakah Haidi tidak dapat mengawal perasaannya?
- A Mendengar bunyi siren ambulans berlalu.
  - B Melihat Tina dibawa keluar daripada ambulans.
  - C Tidak dapat menjawab soalan bertubi-tubi Cikgu Amir.
  - D Tidak mahu pelari itu meninggal dunia seperti adiknya.
- 32 Teknik penceritaan berikut terdapat dalam petikan cerpen Tina **kecuali**
- A monolog.
  - B pemerian.
  - C imbas muka.
  - D imbas kembali.
- 33 Salah satu perwatakan Haidi berdasarkan petikan tersebut ialah
- A gigih.
  - B cerdik.
  - C berani.
  - D penyayang.
- 34 Pengajaran berikut terdapat dalam petikan cerpen Tina **kecuali**
- A Kita hendaklah berhati-hati semasa membuat keputusan.
  - B Setiap orang haruslah gigih berusaha untuk mencapai kecemerlangan.
  - C Kita mestilah menolong orang yang memerlukan bantuan.
  - D Kita haruslah memberikan dorongan dan perangsang kepada orang lain untuk menaikkan semangat.
- 35 Yang manakah merupakan puncak cerita bagi cerpen Tina?
- A Haidi rebah dan terpaksa dipapah oleh orang lain.
  - B Sutina meninggal dunia kerana sakit jantung.
  - C Kursiah pengsan setelah menamatkan lariannya.
  - D Haidi berjaya menegur Kursiah semasa hari sukan.

**Soalan 36 – 40**

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. Pilih jawapan yang paling sesuai.

## SYAIR TENAGA PEMUDA

Tenaga pemuda kalau diasuh,  
Pimpin dan didik kotor dibasuh,  
Tidaklah ia menjadi lusuh,  
Amat berguna menentang musuh.

Tenaga pemuda memang terbilang,  
Tenaga yang sedang gilang-gemilang,  
Beban yang berat dapat dijulang,  
Benda yang jauh dapat dijelang.

Tenaga pemuda tenaga bererti,  
Tenaga yang *berani menempah mati*,  
Tidak mengenal erti nanti,  
Hanya penuh dengan kemahuan mesti.

Tenaga pemuda mestilah sayang,  
Jangan dibiarkan lemah dan goyang,  
Di waktu muda tenaga kencang,  
Berani sampai berputih tulang.

Tenaga pemuda kalau dijaga,  
Kelak akhirnya sangat berharga,  
Tenaga yang menjadi harapan bangsa,  
Gagah berani mempertahankan negara.

oleh GUSTAM NEGARA

(Dipetik daripada antologi *Anak Bumi Tercinta*,  
Tingkatan 3, Dewan Bahasa dan Pustaka)

**36** Frasa *berani menempah mati* bermaksud

- A** sanggup berusaha gigih hingga berjaya.
- B** sanggup berjuang bermati-matian kerana negara.
- C** sanggup melakukan apa-apa sahaja agar tidak kecewa.
- D** sanggup mempertahankan diri dan keluarga demi mengejar cita-cita.

SULIT

SULIT

37

Beban yang berat dapat dijulang  
Benda yang jauh dapat dijelang

Perkataan yang bergaris di atas merupakan unsur gaya bahasa

- A simile.
  - B epifora.
  - C anafora.
  - D responsi.
- 38 Berikut ialah nilai yang terdapat dalam rangkap keempat syair Tenaga Pemuda **kecuali**
- A patriotik.
  - B kejujuran.
  - C kegigihan.
  - D keberanian.
- 39 Nada syair Tenaga Pemuda ialah
- A sinis.
  - B protes.
  - C patriotik.
  - D melankolik.
- 40 Mesej yang hendak disampaikan dalam syair Tenaga Pemuda ialah
- A Kita perlulah mengorbankan golongan remaja demi kepentingan negara.
  - B Kita janganlah mengabaikan golongan muda yang merupakan aset negara.
  - C Tanggungjawab negara hendaklah diserahkan kepada golongan remaja sahaja.
  - D Golongan remaja hendaklah diajar dengan kekerasan supaya mereka menjadi lebih tabah.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT  
02/2  
Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Ogos  
2010  
2 jam



**ANJURAN  
PERSATUAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN PERLIS**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH ( PMR )  
TAHUN 2010**

---

---

**BAHASA MELAYU**

Kertas 2

Dua jam

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian. Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
  2. **Bahagian A** terdiri daripada dua bahagian: **Bahagian A (i) dan Bahagian A (ii)**. Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut. **Bahagian B dan Bahagian D** juga mesti dijawab. Manakala **Bahagian C** mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab **satu soalan sahaja**.
  3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab Bahagian A, 25 minit untuk Bahagian B, 45 minit untuk Bahagian C dan 10 minit untuk Bahagian D.*
  4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pegawai peperiksaan.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

**[Lihat sebelah  
SULIT**

**Bahagian A (i) : Ringkasan**

[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **faedah-faedah bermain permainan tradisional**. Panjang ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Permainan tradisional meliputi pelbagai jenis dan bentuk seperti batu seremban, congkak, gasing, guli, galah panjang, ketiting, konda kondi dan banyak lagi. Hampir semua permainan ini dimainkan oleh kanak-kanak dan remaja. Ada permainan dimainkan secara perseorangan dan ada juga yang berkumpulan. Permainan ini boleh dimainkan pada bila-bila masa dan di mana-mana, sama ada di luar atau di dalam rumah.

Permainan tersebut seperti juga permainan moden dapat membina fizikal, mental dan emosi seseorang. Seseorang yang aktif dalam permainan lazimnya mempunyai bentuk badan yang cantik dan *sahsiah yang baik*. Permainan tradisional bukan sahaja menjadi kegiatan riadah, bahkan permainan tersebut dapat menanam nilai kejujuran, berfikiran kritis dan mengatur strategi.

Selain itu, bermain permainan tradisional secara perseorangan ataupun berpasukan dapat mempererat hubungan sama ada dalam kalangan pemain ataupun anggota keluarga dan penduduk kampung. Permainan yang dimainkan secara berpasukan pula secara langsung menanam sikap dan nilai kerjasama. Tanpa kerjasama ahli pasukan, permainan tidak dapat dilangsungkan dengan baik, apatah lagi untuk mencapai kecemerlangan.

Bagi permainan yang lebih besar seperti wau, gasing dan kertuk, permainan itu dapat menarik perhatian penduduk dari kampung yang berdekatan, sama ada sebagai pasukan lawan atau penonton. Melalui permainan dan pertandingan, mereka bukan sahaja berhibur dan berpesta, bahkan pada waktu yang sama memperkukuh hubungan dan ikatan sosial mereka. Kalah atau menang bukan perkara yang penting. Yang lebih penting ialah semangat bertanding dalam perasaan persahabatan.

Kesimpulannya, permainan tradisional sangat penting dihidupkan dan dikembangkan bersama-sama permainan dan sukan moden. Oleh sebab remaja pada umumnya berada dalam alam persekolahan, tempat paling sesuai untuk menghidupkan dan mengembangkan permainan tradisional adalah di sekolah. Permainan tradisional perlu dihidupkan dan menjadi permainan orang ramai agar menjadi identiti negara.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
"Remaja dan Permainan Tradisional"  
Dewan Siswa, September 2009)

**Bahagian A(ii) : Pemahaman**

[10 markah]


*Berdasarkan petikan Bahagian A(i), jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

1. Apakah maksud rangkai kata *sahsiah yang baik*?  
[2 markah]
  
2. Berdasarkan petikan, mengapakah kerjasama penting dalam satu pasukan?  
[4 markah]
  
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk menarik minat remaja untuk bermain permainan tradisional?  
[4 markah]

**Bahagian B**

[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor pelajar ponteng sekolah. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.





**Bahagian C**

[40 markah]

*Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.*

- 1 Bersenam merupakan aktiviti yang sangat penting dalam kehidupan anak-anak.

Berikan pendapat anda tentang faedah-faedah yang akan kita peroleh dengan bersenam.

- 2 Kelas anda berjaya menjadi johan dalam pertandingan keceriaan kelas yang telah diadakan baru-baru ini.

Tulis surat kepada rakan anda, menceritakan usaha-usaha yang telah anda dan rakan-rakan anda lakukan.

- 3 Ibu bapa ialah insan yang penting dalam hidup kita. Sebagai seorang anak, kita haruslah membalas jasa dan pengorbanan mereka.

Huraikan cara-cara seorang anak dapat membalas jasa dan pengorbanan mereka.

- 4 Selepas makan di kantin sekolah, anda berbual-bual dengan seorang rakan anda tentang cara-cara menjaga kebersihan diri.

Tulislah dialog anda itu selengkapnya.

- 5 Aku dan adikku gembira kerana ayah menunaikan janjinya untuk berkelah di sebuah pulau peranginan terkenal di negara ini. Sedang aku dan adikku bersuka ria bermain di tepi pantai, tiba-tiba.....

Mulakan karangan anda dengan "Sedang aku dan adikku bersuka ria bermain di tepi pantai, tiba-tiba.....".

**Bahagian D**

[10 markah]

*Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang telah anda kaji di tingkatan 1:*

- (i) **Meniti Kaca** karya Raja Sabarudin Abdullah
- (ii) **Aku Anak Timur** karya Siti Aminah Hj Yusof
- (iii) **Anak Din Biola** karya Maaruf Mahmud
- (iv) **Limpahan Darah Di Sungai Semur** karya Zakaria Salleh

Berdasarkan **sebuah** novel di atas, huraikan **tiga perwatakan watak utama** yang terdapat dalam novel tersebut.

**KERTAS SOALAN TAMAT**



**ANJURAN  
PERSATUAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN PERLIS**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH ( PMR )  
TAHUN 2010**

---

**BAHASA MELAYU 02/1 DAN 02/2**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

---

Kertas ini mengandungi 12 halaman bercetak

**[Lihat sebelah  
SULIT**

**SKEMA JAWAPAN BAHASA MELAYU KERTAS 1**  
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA**  
**PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR) 2010**  
**PERINGKAT NEGERI PERLIS**

1	<b>A</b>
2	<b>B</b>
3	<b>D</b>
4	<b>B</b>
5	<b>D</b>
6	<b>A</b>
7	<b>B</b>
8	<b>B</b>
9	<b>C</b>
10	<b>B</b>
11	<b>B</b>
12	<b>A</b>
13	<b>B</b>
14	<b>D</b>
15	<b>D</b>
16	<b>B</b>
17	<b>C</b>
18	<b>A</b>
19	<b>C</b>
20	<b>B</b>

21	<b>C</b>
22	<b>A</b>
23	<b>D</b>
24	<b>A</b>
25	<b>D</b>
26	<b>C</b>
27	<b>A</b>
28	<b>A</b>
29	<b>C</b>
30	<b>D</b>
31	<b>D</b>
32	<b>C</b>
33	<b>D</b>
34	<b>A</b>
35	<b>C</b>
36	<b>B</b>
37	<b>D</b>
38	<b>B</b>
39	<b>C</b>
40	<b>B</b>

**SKEMA JAWAPAN BAHASA MELAYU KERTAS 2  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR) 2010  
PERINGKAT NEGERI PERLIS**

<b>Markah penuh Kertas 2</b>	<b>:</b>	<b>100 markah</b>
<b>Bahagian A(i)</b>	<b>:</b>	<b>20 markah</b>
<b>Bahagian A(ii)</b>	<b>:</b>	<b>10 markah</b>
<b>Bahagian B</b>	<b>:</b>	<b>20 markah</b>
<b>Bahagian C</b>	<b>:</b>	<b>40 markah</b>
<b>Bahagian D</b>	<b>:</b>	<b>10 markah</b>

**Bahagian A(i) : 20 markah**

1. Perkara yang perlu diberikan perhatian semasa membaca jawapan calon.
  - (a) Bahasa dinilai secara tanggapan (*impression*)
  - (b) Pemeriksa diminta menandakan kesalahan bahasa sebagaimana penandaan karangan.
  - (c) Peringkatkan markah calon berdasarkan kriteria di bawah.

**Markah bahasa (10 markah)**

<b>Peringkat</b>	<b>Markah</b>	<b>Kriteria</b>
Cemerlang	09 - 10	Bahasa baik dan lancar Berupaya menggunakan ayat sendiri. * pemilihan kata yang tepat: ayat yang gramatis * penanda wacana yang sesuai Ejaan dan tanda baca yang betul.
Baik	06 - 08	Bahasa baik dan lancar. Masih berupaya menggunakan ayat sendiri. * pemilihan kata yang agak terhad. * ayat yang masih gramatis * penanda wacana masih sesuai Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum.
Memuaskan	03 - 05	Bahasa yang kurang lancar. Terdapat kesalahan yang ketara dalam ayat, ejaan dan tanda baca  ATAU Menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih
Penguasaan Minimum	01 -02	Keseluruhan jawapan menggambarkan penguasaan bahasa yang lemah. Menyalin secara terus daripada petikan.

**Markah Isi ( 10 markah )**

<b>Bilangan Isi</b>	<b>Markah</b>
5	09 – 10
4	07 – 08
3	05 – 06
2	03 – 04
1	01 – 02

**Isi-isi Penting**

1. Dapat membina fizikal, mental dan emosi seseorang
2. Menjadi kegiatan riadah
3. Dapat menanam nilai kejujuran
4. Berfikiran kritis dan mengatur strategi
5. Dapat mempererat hubungan
6. Menanam sikap dan nilai kerjasama
7. Sebagai hiburan dan berpesta
8. Memperkukuh hubungan dan ikatan sosial

**Bahagian A (ii) : Soalan Pemahaman****Soalan 1 – Maksud kata / rangkai kata ( 2 markah )**

<b>Markah</b>	<b>Deskripsi</b>
2 markah	- Maksud tepat mengikut konteks dan ayat gramatis
1 markah	- Maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap - Maksud kurang tepat mengikut konteks/isi tersurat sahaja - Hanya memberikan sebahagian daripada maksud rangkai kata
0 markah	- Maksud tidak tepat mengikut konteks

**Soalan 2 – Soalan Pemahaman ( 4 markah )**

Markah	Deskripsi
4 markah	- Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dan ayat gramatis
3 markah	- Isi cukup serta lengkap mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugas tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugas serta ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak mengikut tugas tetapi ayat gramatis - Isi tidak mengikut tugas dan ayat tidak gramatis

**Soalan 3 – Soalan Pemahaman Kemahiran Berfikir ( 4 markah )**

Markah	Deskripsi
4 markah	- Isi relevan mengikut tugas dan ayat yang gramatis
3 markah	- Isi relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi kurang relevan mengikut tugas tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi kurang relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

**Soalan A(ii) : Pemahaman****Soalan 1 (2 markah)**

Maksud rangkai kata *sahsiah yang baik*

- peribadi/ keperibadian yang mulia/ elok

**2 markah**

**Soalan 2 (4 markah)**

*Berdasarkan petikan, kerjasama penting dalam satu pasukan kerana*

- tanpa kerjasama ahli pasukan, permainan tidak dapat dilangsungkan dengan baik

**[2 markah]**

- untuk mencapai kecemerlangan

**[2 markah]**

**Soalan 3 (4 markah)**

*Pada pendapat saya, cara untuk menarik minat remaja bermain permainan tradisional ialah*

- kerajaan boleh mengadakan kempen cintai permainan tradisional. [2m]
- ibu bapa membawa anak-anak ke pertandingan permainan tradisional seperti pertandingan wau atau gasing. [2m]
- ibu bapa menunjukkan cara bermain permainan tradisional kepada anak-anak. [2m]
- pihak sekolah boleh mewujudkan kelab permainan tradisional. [2m]
- mengadakan sukaneka permainan tradisional [2m]
- media massa sentiasa mengadakan iklan tentang permainan tradisional [2m]

*[Nota : Isi-isi lain yang sesuai, diterima]*

**Bahagian B : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan  
( 20 markah )**

1. Periksa sehingga 120 patah perkataan atau sehingga ayat itu berakhir.
2. Isi : sekurang-kurangnya 3.
3. Jika calon menggunakan tiga isi atau kesemua isi dalam rajah – **peringkat cemerlang**.
4. Jika calon menggunakan sebahagian isi (2 isi) – **peringkat baik**.
5. Jika calon langsung tidak menggunakan isi dalam rajah – **peringkat memuaskan**.
6. Isi luaran yang berkaitan dengan tugas – **diterima**
7. Jika calon tidak menjawab tugas – **markah maksimum ialah penguasaan minimum**. Markah boleh dinaikkan ke peringkat memuaskan jika bahasa cemerlang.

Isi Dalaman	Isi Luaran	Peringkat
3 / 4	0	Cemerlang
2	1	
2	0	Baik
1	1	
1	2	
0	3	Memuaskan



### Kriteria Penskoran

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	<b>16 – 20</b> ( 18- 20 ) ( 16 - 17 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Ayat</b> yang gramatis.</li> <li>- <b>Kata</b> dan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>- Kesalahan penggunaan kata yang minimum.</li> <li>- <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang betul.</li> <li>- <b>Idea</b> yang relevan berdasarkan tugas.</li> <li>- Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan sesuai dan berkembang.</li> <li>- <b>Pengolahan</b> yang menarik dan berkesan.</li> </ul>
Baik	<b>11 – 15</b> ( 13 - 15 ) ( 11 - 12 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Ayat</b> masih gramatis.</li> <li>- <b>Kata</b> masih luas dan <b>kosa kata</b> tepat.</li> <li>- Kesalahan penggunaan kata yang minimum</li> <li>- Kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang minimum.</li> <li>- <b>Idea</b> yang relevan berdasarkan tugas.</li> <li>- Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan masih sesuai tetapi kurang dikembangkan.</li> <li>- <b>Pengolahan</b> masih menarik</li> </ul>
Memuaskan	<b>06 – 10</b> ( 08 - 10 ) ( 06 - 07 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Ayat</b> kurang gramatis.</li> <li>- <b>Kata</b> dan <b>kosa kata</b> yang terhad</li> <li>- Kesalahan penggunaan kata yang ketara.</li> <li>- Kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara</li> <li>- <b>Idea</b> yang relevan berdasarkan tugas.</li> <li>- Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan yang terhad</li> <li>- <b>Pengolahan</b> tidak menarik</li> </ul>
Penguasaan Minimum	<b>01- 05</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap.</li> <li>- Idea kabur / tidak berkaitan dengan tugas.</li> </ul>

### Langkah-langkah memeriksa

1. Perkara yang perlu diberikan perhatian semasa membaca jawapan calon.
  - a) Menjawab tugas.
  - b) Bahasa
  - c) Kerelevanan idea
  - d) Pengolahan

**Isi-isi cadangan**

- 1.. Pengaruh rakan sebaya
2. Sikap pelajar itu sendiri
3. Masalah keluarga
4. Pengaruh media massa
5. Kurang didikan daripada ibu bapa
6. Kurang berminat dengan pengajaran dan pembelajaran di sekolah

**Bahagian C : Karangan Respons Terbuka  
( 40 markah )**

**Kriteria Penskoran**

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	<b>33 – 40</b> ( 37 - 40 ) ( 33 - 36 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat</li> <li>- Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>- Penggunaan <b>penanda wacana</b> yang betul</li> <li>- <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang betul.</li> <li>- Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>- <b>Idea</b> yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh-contoh yang sesuai.</li> <li>- <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas.</li> <li>- Penggunaan <b>ungkapan</b> yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik.</li> </ul>
Kepujian	<b>25 – 32</b> ( 29 – 32 ) ( 25 - 28 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>- Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>- Penggunaan <b>penanda wacana</b> yang sesuai.</li> <li>- <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang betul.</li> <li>- Penggunaan <b>kosa kata</b> luas.</li> <li>- <b>Idea</b> yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh.</li> <li>- <b>Pengolahan</b> menarik dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas.</li> <li>- Penggunaan <b>ungkapan</b> yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik.</li> </ul>
Baik	<b>17 – 24</b> ( 21 - 24 ) ( 17 - 20 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang sesuai.</li> <li>- Penggunaan <b>ayat majmuk gabungan</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>- Penggunaan <b>penanda wacana</b> yang masih sesuai.</li> <li>- Terdapat kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang minimum</li> <li>- Penggunaan <b>kosa kata umum</b> tetapi terdapat kesalahan</li> </ul>

		<p>yang minimum.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Idea</b> masih relevan dengan huraian yang masih jelas.</li> <li>- <b>Pengolahan</b> masih menarik dengan pemerenggan dan format yang masih sesuai mengikut tugas.</li> </ul>
Memuaskan	<p><b>09 – 16</b></p> <p>( 13 - 16 )</p> <p>( 09 - 12 )</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang terhad.</li> <li>- Penggunaan <b>ayat yang mudah</b> tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>- Penggunaan <b>penanda wacana</b> yang kurang tepat</li> <li>- Terdapat kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara</li> <li>- <b>Idea</b> masih relevan/ idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas.</li> <li>- <b>Pengolahan</b> kurang menarik dengan pemerenggan yang kurang sesuai dan format yang kurang tepat / format bercampur aduk.</li> </ul>
Penguasaan Minimum	<p><b>01 – 08</b></p> <p>( 05 - 08 )</p> <p>( 01 - 04 )</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap.</li> <li>- Tidak menjawab tugas soalan ( jenis hafalan )</li> </ul>

### Langkah-langkah memeriksa

1. Perkara yang perlu diberikan perhatian semasa membaca jawapan calon.
  - a) Menjawab tugas.
  - b) Bahasa
  - c) Kerelevanan idea
  - d) Pengolahan
  
2. Pemotongan kesalahan ejaan tidak lebih daripada **2 markah**.

### KRITERIA MENILAI KEMAHIRAN MENULIS

ASPEK	KRITERIA
BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kegramatisan : Kata ( Morfologi ), Ayat ( Sintaksis )</li> <li>- Ejaan dan tanda baca yang betul</li> <li>- Kosa kata luas dan tepat</li> </ul>
IDEA	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Isi-isi sesuai</li> <li>- Huraian isi jelas</li> <li>- Contoh yang sesuai</li> </ul>
PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengolahan menarik dan berkesan</li> <li>- Pemerenggan sesuai</li> <li>- Format menepati tugas</li> <li>- Unsur keindahan bahasa ( pantun dan peribahasa )</li> </ul>

**Soalan C : Karangan Respons Terbuka**Soalan 1

- a. Jika calon mengemukakan faedah bersenam kepada masyarakat – **diterima.**
- b. Jika calon mengemukakan faedah bersenam kepada diri sendiri - **diterima**

Soalan 2

- a. Format : surat kiriman tidak rasmi
- b. Jika format tidak lengkap – impression turun sedikit ( 1 – 3 markah)
- c. Jika bukan format surat kiriman tidak rasmi – **maksimum peringkat kepujian**
- d. Jika calon hanya menceritakan pertandingan keceriaan kelas - **maksimum peringkat baik**

Soalan 3

- a. Jika calon mengemukakan cara-cara seorang anak membalas jasa dan pengorbanan ibu sahaja atau bapa sahaja– **diterima**
- b. Jika calon hanya menceritakan jasa dan pengorbanan ibu bapa - **maksimum peringkat baik**

Soalan 4

- a. Format : dialog
- b. Jika format tidak lengkap – impression turun sedikit ( 1 – 3 markah)
- c. Jika bukan format dialog – **maksimum peringkat kepujian**

Soalan 5

- a. Jika calon menceritakan hal orang lain – **diterima**

**Bahagian D : Pemahaman Novel  
( 10 markah )**

**Pembahagian Markah**

Perincian	Markah
Isi	6 markah
Bahasa	4 markah

**Perhatian bagi jawapan Bahagian D**

- a) Jawapan berdasarkan novel tingkatan satu sahaja.
- b) Jawapan hendaklah dalam ayat yang gramatis.
- c) Maksimum **3 isi, 1 isi : 2 markah**
- d) Markah maksimum bagi isi dan huraian isi **6 markah**.
- e) Markah maksimum bagi bahasa **4 markah**.
- f) Markah bahasa diberikan secara tanggapan(impression)
- g) Markah maksimum **10 markah**.

**Kriteria Markah Bahasa**

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	04	- Bahasa baik dan lancar - Ayat gramatis - Ejaan dan tanda baca yang betul
Baik	02 – 03	- Bahasa masih baik dan masih lancar - Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan	01	- Bahasa tidak cekap - Ayat tidak gramatis - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

**NOVEL MENITI KACA**

**Watak Utama : Nazar**

**Perwatakan Nazar:**

- Anak tunggal Pak Sahar dan Mahyun
- Berusia belasan tahun / 14 tahun
- Masih bersekolah

- 1 Gijih**  
Nazar gigih mengulang kaji pelajaran walaupun difitnah oleh orang kampung tentang hubungannya dengan sepupunya, Zainab.
  
- 2 Tabah**  
Meskipun emaknya berpenyakit nanar, ayahnya sering sakit, dan dia difitnah oleh penduduk kampung, Nazar tetap tabah menghadapi dugaan hidup.  
  
Nazar tabah meneruskan pelajarannya hingga berjaya dengan cemerlang dalam PMR walaupun ibunya telah meninggal dunia.  
  
Pemergian ayahnya menjadikan Nazar lebih tabah dalam mengejar cita-citanya.
  
- 3 Penyayang**  
Walaupun ibunya berpenyakit nanar serta sering merayau-rayau namun Nazar tetap sayang akan ibunya. Dia juga tidak mahu ibunya tinggal lebih lama di Hospital Bahagia dan sanggup menjaga ibunya.
  
- 4 Pintar (Cinta akan ilmu)**  
Nazar seorang pelajar yang pintar terutama dalam mata pelajaran Matematik dan bahasa Inggeris. Zainab dan Ah Seong sering belajar bersama-samanya. Keputusan PMR Nazar juga sangat cemerlang dan dia ditawarkan belajar di sekolah berasrama penuh.
  
- 5 Rajin**  
Nazar rajin mengulang kaji pelajarannya walaupun ibunya sakit dan ayahnya keluar mencari rezeki.
  
- 6 Reda**  
Nazar reda dengan penyakit yang dihidapi oleh ibunya serta dia juga reda dengan kematian ibu dan ayahnya.
  
- 7 Bertanggungjawab**  
Nazar seorang anak yang bertanggungjawab. Nazar boleh menguruskan dirinya sendiri semasa ibunya terlantar sakit nanar di Hospital Bahagia Tanjung Rambutan.
  
- 8 Baik hati**  
Nazar seorang yang baik hati. Dia sanggup membantu Zainab dan Ah Seong menyelesaikan masalah dalam mata pelajaran Matematik dan bahasa Inggeris.